



 www.moh.gov.bn  corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI SABTU

27 Syawal 1443 / 28 Mei 2022

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa semalam, Jumaat, 26 Syawal 1443 bersamaan dengan 27 Mei 2022, sebanyak 28 dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 34,293 dos iaitu 79.9% bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak 72 dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang

membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 19,186 dos iaitu 44.7%.

2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin kekal sebanyak **70.2%**.
3. Hari ini, Sabtu, 27 Syawal 1443 bersamaan dengan 28 Mei 2022, sebanyak **205 kes baru** telah dilaporkan iaitu 204 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 273 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam

setakat ini ialah **147,872** kes. Statistik harian *COVID-19* yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (*ICU*). Manakala terdapat **1 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **270 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **146,186 kes**.

- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,463 kes** iaitu 3 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,460 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
4. Semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan aman dan sejahtera serta segala urusan kitani semua dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'aala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 27 Syawal 1443 / 28 Mei 2022